

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0: Pengenalan

Kepentingan pendidikan di kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu telah berkembang sejak kedatangan Islam di Asia Tenggara pada awal abad kelima belas. Ini adalah kerana Al-Quran sendiri banyak menyentuh tentang mustahaknya orang Islam mempelajari ilmu dan kedudukan orang yang berilmu adalah tinggi di sisi Allah Subhanahuwataala.¹ Rasulullah s.a.w telah menekankan kewajipan umat Islam menuntut ilmu² dan menggesa umatnya menuntut ilmu setinggi mungkin.³

Sejak awal perkembangan pendidikan Islam yang berbentuk tidak formal dilaksanakan di rumah, masjid, surau dan istana, dan pendidikan ilmu agama Islam yang lebih formal bermula dengan tertubuhnya sekolah-sekolah pondok. Sekolah pondok telah didirikan oleh alim ulama bagi tujuan menyebarluaskan ilmu agama, serta memperkuatkan pegangan aqidah dan nilai-nilai Islam serta nilai-nilai konservatif budaya masyarakat Melayu pada zaman yang berkenaan.⁴ Corak pengajian tersebut terus

¹. Firman Allah yang bermaksud, “Allah mengangkat orang-orang beriman di kalangan kamu dan juga orang-orang yang berilmu ke darjat yang tinggi”, Surah Al-Mujadalah : 11

² Hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud, “Menuntut ilmu adalah wajib ke atas orang Islam lelaki dan perempuan”. *Jhya Ulumiddin*, Jil.1 h.15.

³ Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud, “Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri China”.

⁴ Susean Hussin, Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), h. 10.

berkembang dengan penyebaran pengaruh ulamak-ulamak yang menuntut di Timur Tengah sekembalinya mereka ke Tanah Melayu. Mereka telah membuka tempat-tempat pengajian di sekolah-sekolah kecil dan pondok.

Memandangkan kurikulum sekolah-sekolah pondok hanya memberi penekanan kepada ilmu-ilmu agama semata-mata, sekumpulan tokoh-tokoh agama Islam yang berpandangan progresif dan moden berpendapat bahawa umat Islam perlu mengukuhkan daya politik dan sosioekonomi mereka untuk maju dan bersaing dengan bangsa asing. Mereka ini dikenali sebagai Kaum Muda. Mereka telah mendirikan sekolah-sekolah agama madrasah yang lebih moden dan lebih sistematik pentadbirannya di merata-rata tempat di Tanah Melayu .

Gerakan Pembaharuan atau Gerakan Islah yang telah berkembang di Asia Tenggara, termasuk Tanah Melayu, pada awal abad ke-20 telah mengubah *weltanchauung* masyarakat Melayu. Pelopor gerakan ini ialah Sayyid Jamaluddin al-Afghani (1839-1897) dan Muhammad Abduh (1839-1905). Tokoh utama gerakan ini di Tanah Melayu ialah Syekh Tahir Jalaluddin al-Falaki.⁵

Perkembangan Islam di Tanah Melayu lebih progresif melalui pendekatan yang dibawa oleh Kaum Muda, walaupun mendapat tentangan yang hebat daripada Kaum Tua dan penjajah Inggeris. Usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan ilmu bagi mengubah cara berfikir dan gaya hidup yang lebih sempurna, tidak lain daripada wahana pendidikan.

⁵ Mohd. Sarim Mustajab, "Islam dan Perkembangan Dalam Masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940", Tesis Sarjana Sastera, UKM, 1975, Bangi, Selangor, h.4

Hasrat masyarakat Islam di Tanah Melayu untuk mendirikan sebuah institusi pendidikan tinggi Islam sememangnya sudah lama. Memandangkan Tanah Melayu pada ketika itu di bawah cengkaman penjajah British, cita-cita yang murni itu terpendam begitu sahaja. Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) sendiri telah menyuarakan masalah ini sejak tahun 1920-an lagi. Beliau menyarankan supaya dibangunkan "satu atau dua Madrasah Besar yang layak dinamakan universiti", kurikulumnya mencakupi 'pelajaran dunia' dan 'pelajaran agama', berteraskan konsep 'dua bagi satu ilmu'. Institusi yang diingini oleh Za'ba ialah Universiti Islam.⁶ Bagi Za'ba jalan pertama ke arah penubuhan Universiti Islam ialah dengan terlebih dahulu menuju Kolej Islam. Dengan kerjasama masyarakat setempat dan semangat ulama-ulama Islah, pada tahun 1906 Madrasah al-Misriyah Bukit Mertajam ditubuhkan. Contoh yang baik masyarakat Bukit Mertajam telah diikuti pula oleh masyarakat Islam Singapura yang telah menuju Kolej Islam al-Iqbal al-Islamiyah dalam tahun 1908. Madrasah ini tidak bertahan lama kerana masalah kewangan, hanya berusia satu tahun sahaja di Singapura kemudian dipindahkan ke Riau dengan nama barunya Madrasah al-Ahmadiyah. Seterusnya pada tahun 1914 Madrasah al-Masyhur al-Islamiyah dan Madrasah al-Quran di Pulau Pinang ditubuhkan.

Menjelang tahun 1922, Madrasah al-Idrisiyah, Kuala Kangsar, dan pada tahun 1925 Madrasah Zainal Abidin, Kuala Terengganu, telah ditubuhkan oleh orang Islam. Pada tahun 1934 ditubuhkan pula dua madrasah yang menggugat kuasa kolonial British iaitu Maahad Ehya al-Shariff, Gunung Semanggul, Perak dan Maahad Mahmud Alor

⁶ Adnan Hj Awang, Za'ba dan Melayu, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1998), h.103.

Star, Kedah.⁷ Melaka juga tidak ketinggalan dalam perkembangan ini. Madrasah Islamiah ditubuhkan pada tahun 1937, manakala Madrasah Nuriah pada tahun 1940, dan Madrasah Tarbiyatul Diniah pada tahun 1939. Di Negeri Kelantan Madrasah Muhammadi yang dibina pada tahun 1915, adalah madrasah yang terawal. Di Johor didirikan pula, Madrasah Al-Haji Taib, Muar pada 1920, di Pahang pula ialah Madrasah Al-Islah, Temerloh tahun 1936, Madrasah Al-Ittifaqiyah, Temerloh, tahun 1947 dan Madrasah Al-Wustho, Temerloh pada tahun 1949.

Atas kegigihan para intelektual Islam, setelah melalui pelbagai tribulasi, maka pada tahun 1955, sebuah institusi pendidikan tinggi Islam telah dibina atas inisiatif dan sokongan seluruh masyarakat Islam di Tanah Melayu, walaupun ada usaha-usaha untuk menggagalkannya oleh pihak penjajah. Institusi tersebut dikenali dengan nama Kolej Islam Malaya.⁸ Kewujudan Kolej Islam Malaya itu merupakan kemuncak kejayaan dalam pelajaran agama⁹ di Tanah Melayu, khususnya sebelum kemerdekaan dicapai pada Ogos 1957. Dengan penubuhan Kolej Islam Malaya, perkembangan pendidikan Islam menjadi lebih agresif, khususnya bagi menghadapi saingan dengan sekolah-sekolah Inggeris yang lebih sekular. Kurikulum yang diterapkan sudah mencakupi mata pelajaran yang dianggap lebih duniawi seperti matematik, geografi, sains dan lain-lain. Mulai sesi 1958/59, Universiti Malaya telah menubuhkan Jabatan Pengajian Islam , dan seterusnya

⁷ Haron Din (Dr), dan Sobri Salamon (Dr), Masalah Pendidikan Islam di Malaysia, (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988), h.19 – 21.

⁸ Sufyana bt Ma'ruf, Kolej Islam Kelang : "Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya (1955 – 1980)", Tesis Sarjana Muda Sastera, UKM 1987, h. 33.

⁹ Lokman Musa, "Pelajaran Ugama Islam di Tenggara Asia dan Timur Jauh", Dewan Masyarakat, Jilid 2 Bilangan 2 – 15 Februari 1964, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L., h.14 - 16

pada tahun 1970¹⁰, terdirilah Universiti Kebangsaan Malaysia, yang memberi ruang kepada kewujudan Fakulti Pendidikan Islam (FPI). Selepas itu semakin banyak institusi pendidikan tinggi Islam yang dibina, seperti Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), 1983 dan kolej-kolej agama di bawah kelolaan kerajaan negeri yang diiktiraf oleh kerajaan.

Institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia yang tidak boleh dikesampingkan ialah Kolej Islam Malaya yang telah ditubuhkan pada tahun 1955, di Klang, Selangor. Kolej ini merupakan institusi pendidikan tinggi yang berperanan untuk menyalurkan pelajar-pelajar dari madrasah-madrasah seluruh negara, termasuk Brunei Darussalam dan Thailand (Petani), bagi mendapatkan pendidikan agama yang lebih tinggi (dalam negeri). Pada tahun 1965, wujudlah sebuah lagi institusi pengajian tinggi, iaitu Yayasan Pengajian Tinggi Nilam Puri, di Kelantan¹¹. Sesungguhnya kewujudan institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu telah membawa perubahan, yakni kesedaran politik di kalangan masyarakat Islam, khususnya untuk berubah dan menuntut kemerdekaan daripada penajah British.

¹⁰ Mohd Ali Kamaruddin, Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, (Kuala Lumpur: UKM, 1981) h. 114.

1.1: Penyataan Masalah dan Isu

Usaha-usaha untuk merealisasikan sebuah institusi pendidikan Islam yang diiktiraf oleh kerajaan pada tahun-tahun sebelum kemerdekaan merupakan satu usaha yang terpaksa melalui pelbagai tribulasi seperti masalah kewangan, dan halangan daripada pihak penjajah. Pihak penjajah Inggeris sememangnya tidak menyukai wujudnya institusi pendidikan Islam kerana Islam bertentangan dengan orientasi sekularisme dan materialisme yang dibawa oleh mereka. Lagipun, kewujudan pendidikan tinggi untuk orang Melayu Islam akan menimbulkan kesedaran menentang kolonialisme Inggeris. Dalam konteks ini, idea penubuhan universiti atau kolej Islam menerima tantangan pemerintah Inggeris.

Walau bagaimanapun, perancangan dan pentadbiran Kolej Islam Malaya (KIM) fasa awal melalui pelbagai masalah yang hanya diatasi dengan kaedah yang sebaik mungkin kemudiannya. Penubuhan Kolej Islam Malaya melibatkan konflik idea, kuasa, dan politik antara kumpulan dan individu yang berkepentingan (*interest groups*) yang mempunyai misi, nilai, sumber, kekuatan, dan pengetahuan yang berbeza mengenai isu yang menjadi perdebatan, iaitu pendidikan tinggi untuk orang Islam. Justeru itu, kajian ini meneliti rancangan strategik orang Islam mengatasi tekanan Inggeris untuk menjayakan pendidikan tinggi Islam bagi mengukuhkan dan mengembangkan syiar Islam di Malaya.

¹¹ Wan Burhadin b. Wan Omar, "Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (Sehingga 1974)", dlm, Islam di Kelantan, (Susunan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan) (. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983), h.101.

Apabila Kolej Islam Malaya ditubuhkan, perkara-perkara dalaman juga perlu dirancangkan dan ditadbirkan. Perkara yang berkaitan itu meliputi soal kurikulum, staf (tenaga pengajar) dan bahagian pentadbiran, pengambilan pelajar, asrama , kokurikulum, yuran, peperiksaan dan sebagainya. Perkara-perkara ini perlu disediakan demi melaksanakan amanah untuk melihat institusi ini benar-benar menepati objektif penubuhannya. Justeru itu, kajian ini akan meneliti pentadbiran berautonomi yang berlaku di Kolej Islam Malaya pada peringkat awal penubuhannya.

Selain itu, hubungan Kolej Islam Malaya dengan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri seperti Universiti Malaya, Universiti Al-Azhar Mesir, juga perlu dikaji. Ini kerana segala usaha yang gigih itu telah membantu dalam menjaminkan kelangsungan peluang belajar keluaran Kolej Islam Malaya yang telah menyempurnakan pengajiannya untuk terus belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti usaha-usaha Kolej Islam Malaya mengukuhkan reputasinya di peringkat dalaman dan luaran.

1.2: Kerangka Konsep Kajian

1.2.1: Islam Sebagai Agama Progresif

Ajaran Islam sebenarnya progresif sesuai untuk diamalkan sepanjang zaman kerana Islam itu satu budaya hidup dan Islam mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia baik politik, ekonomi ataupun sosial. Islam tidak menyeru penganutnya berundur ke belakang dan menentang apa jua kemajuan. Apa yang digariskan oleh Islam ialah setiap aktiviti yang dibuat mestilah mengikut acuan yang telah ditentukan oleh Islam agar tidak bercanggah dengan tuntutan Allah itu sendiri.

Pendidikan ialah salah satu mekanisme untuk memastikan masyarakat Islam sentiasa progresif; pendidikan tinggi menjadi satu mekanisme unggul ke arah itu. Dalam aspek pendidikan, Islam tidak pernah menghalang perkembangannya, malah Islam menghargai kegiatan intelektual sampai ke peringkat tertinggi¹². Ziaudin Sardar menjelaskan bahawa imej masa hadapan Islam yang unggul adalah sebagai satu peradaban yang dinamik dan berkembang dengan memiliki ciri-ciri dan keperibadian yang unik.¹³

Keunikan serta keagungan ajaran Islam yang sesuai sepanjang zaman telah dipudarkan oleh penajah Barat di kebanyakan negara umat Islam termasuk Semenanjung

¹² Muhammad Asad, Islam Di Simpang Jalan, (terjemahan), (Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd., 1998, h. 80 –81.

¹³ Ziaudin Sardar, Masa Hadapan Islam. Bentuk Idea Yang Akan Datang, (terjemahan), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, h. 12.

Tanah Melayu. Fahaman sekular yang dibawa oleh Barat (penjajah) telah diterima oleh masyarakat Islam dalam kehidupan individu dan bernegara.¹⁴ Lantas Islam dipinggirkan dan dianggap ketinggalan zaman (kolot), dan hanya sesuai diletakkan di masjid-masjid dan surau sahaja. Amir Syakib Arsalan (1859-1946) seorang pemikir Islam dari Syria, menyatakan bahawa kemunduran umat Islam bukanlah disebabkan oleh ajaran Islam tetapi umat Islamlah yang menjadi penyebab kemunduran yang berlaku. Beliau berhujah antaranya ialah masyarakat Islam tidak lagi mengikut ajaran Islam, iaitu berjihad untuk mempertahankan kehormatan serta warisan luhur yang pernah dilaksanakan oleh orang terdahulu.

Taklid buta (*blind obstinacy*) juga merupakan faktor kemunduran umat.¹⁵ Al-Quran telah jelas menerangkan perubahan sesuatu umat berdasarkan keiginan atau gerak kerja yang dilakukan oleh mereka sendiri, “ Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan mereka sendiri”.¹⁶ Islam tidak pernah menolak cara-cara berfikir yang khusus, malahan Islam menyeru kepada bertukar-tukar pendapat dan meluaskan penyelidikan dan kajian serta mempelbagaikan ilmu pengetahuan. Islam menganggap pemikiran itu suatu pusaka kemanusiaan yang dipunyai bersama oleh setiap umat manusia.¹⁷

¹⁴ Kamaruddin Jaafar, "Gerakan Islam dan Perlembagaan Negara : Satu Tinjauan Awal", dalam Islam dan Pembangunan Negara, UKM, 1986, (disunting oleh, Mahayudin Hj Yahaya), h.175

¹⁵ Amir Syakib Arsalan, "Kemunduran Kita dan Sebab-Sebabnya", dalam Ensiklopedia Masalah-Masalah Islam dan Pembaharuan, (Suntingan Dr. M.Amin Rais), Selangor: Thinkers Library, 1987, h.99-104.

¹⁶ Al-Qur'an' S.13:11

¹⁷ Dr. Mustafa El- Rafie, Islam Yang Dinamik Bukan Statik, (Terjemahan Ismail bin Mohd Hassan), Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, 1984, h. 51.

1.2.2: Institusi Pendidikan Islam

Semasa perkembangan Islam di Tanah Melayu dalam abad ke-15 hingga ke-20, pengajian agama tidak formal diadakan di rumah-rumah tok guru. Rumah tok guru merupakan tempat belajar ilmu pengetahuan. Pengajian Al-Quran merupakan asas pendidikan Islam kerana bacaan Al-Quran dapat mengukuh dan memantapkan iman. Lantaran pertambahan bilangan murid, surau telah dibina untuk dijadikan tempat pengajian. Surau biasanya terletak berhampiran dengan rumah guru. Di samping surau, masjid juga telah dijadikan tempat pendidikan formal.

Perkembangan pendidikan Islam bukan formal terus berlaku. Pusat-pusat pengajian pondok diwujudkan bagi menyediakan sistem pembelajaran yang lebih sempurna.¹⁸ Pada awal abad ke-20, gerakan Islah, yang berasal dari Timur Tengah mulai bergerak dan meluas di Asia Tenggara dan India. Perkembangan yang berlaku ini telah menatijahkan rupa baru dalam pendidikan agama di Tanah Melayu, iaitu dengan kelahiran sistem madrasah, sistem yang lebih sistematik dan lebih formal daripada sistem pondok. Para pelajar di madrasah belajar dengan lebih sempurna dengan adanya kemudahan kerusi meja yang lengkap; kurikulum pembelajaran yang berstruktur dan terdapat pembahagian bilik-bilik darjah. Antara mata pelajaran yang diajar di Madrasah al-Masyhor Pulau Pinang adalah seperti; Ilmu Tauhid, Tajwid, Feqah, Insyaak, Adab, Nahu, Sarf / Al-Istiqaq, Hisab, Tafsir, Muthalaah, Khat, Akhlak, Imlak, Qasidah – Hamasiah, Tarikh, Terjemah dan Hadith. Kemudian selepas Perang Dunia Kedua

¹⁸ Abdullah Jusuh, Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia, (Kuala Lumpur: DBP, Kuala Lumpur, 1990) h. 5 –6.

beberapa subjek telah ditambah antaranya ialah; Ilmu Maklumat Ammah, Geografi, Tabaqatul Ardh, Sihhah, Ilmu al-Nafs, Falsafah, Hayawan, Ulum al-Thabiiyat, Ilmu Rasm, Mahfuzath, balaghah, Faraidh, Arabiah dan Ilmu Mustthalahul Hadith.¹⁹

Misi pendidikan formal Islam ialah untuk menanam keimanan yang berasaskan ilmu pengetahuan terhadap kewujudan kekuasaan Allah yang Maha Esa melalui penyatuan antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu keduniaan. Kesan daripada pendidikan tersebut diharapkan akan lahir manusia yang salih, berilmu dan beramal untuk memperjuangkan kebenaran dan kebaikan demi kebahagiaan hidup bagi dirinya dan masyarakatnya menuju kepada keredaan Allah.²⁰ Kurikulum pendidikan formal Islam lebih sistematik dengan menggunakan buku-buku ilmu modern di samping kitab-kitab yang tertentu. Kaedah pengajarannya lebih kemas dan modern, dan pada akhir tahun persekolahan para pelajar akan melalui peperiksaan bagi menentukan tahap kepintaran pelajar. Bagi pelajar yang telah lulus dengan cemerlang di dalam peperiksaan akan menyambung pelajaran mereka ke universiti -universiti di negara-negara Arab.

1.2.3: Perancangan Strategik (*Strategic Planning*)

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori Perancangan Strategik (*Strategic Planning*) dalam meneliti usaha-usaha penubuhkan Kolej Islam Malaya dan juga cara-cara pentadbiran Kolej Islam Malaya itu sendiri.

¹⁹ Susean Hussin 1993, op.cit., h.21

²⁰ Faisal Othman, "Pendidikan Islam: Konsep dan Realiti", dlm., Pendidikan Islam di Malaysia, h.32.

Perkataan strategi adalah berasal dari perkataan Greek, "stratego", kombinasi dua patah perkataan "stratos" yang bermakna tentera, dan perkataan "ego" yang bermaksud pemimpin. Perancangan Strategik telah digunakan oleh jeneral dalam pasukan tentera sejak dahulu lagi, dan kini perancangan strategik telah digunakan pula oleh pengurus organisasi yang lain²¹ Dalam hal demikian, kejayaan penubuhan KIM telah melalui proses strategik bagi mengalahkan tekanan Inggeris dan Melayu sekular.

Perancangan strategik telah didefinisikan oleh Olsen dan Eadie sebagai satu usaha yang terancang untuk menghasilkan keputusan dan tindakan serta memandu organisasi mengenal pasti apa yang perlu dibuat dan mengapa perkara tersebut dibuat.²² Perancangan strategik memerlukan himpunan maklumat yang banyak, penelitian terhadap pelbagai alternatif, serta memberi perhatian terhadap kesan-kesan pada masa akan datang lantaran keputusan yang dibuat.

Perancangan strategik ini adalah penting untuk kemajuan serta perkembangan sesebuah organisasi. Perancangan strategik adalah alat yang dapat memandu organisasi agar merancang dengan sistematik. Perancangan strategik perlu ada dan dilaksanakan oleh mana-mana organisasi yang ingin maju dan berkembang kerana ia dapat menentukan perkara yang paling utama (*priorities*), dapat menentukan belanjawan, berdaya saing, membuat keputusan dan, dapat memenuhi kehendak pemegang amanah (*stakeholders*). Orang lain telah pun melaksanakan Perancangan strategik, oleh itu kita

²¹ John. M. Bryson, Strategic Planning For Public and Nonprofit Organizations. A Guide to Strengthening and Sustaining Organizational Achievement, (California : Josse – Bass Publishers, California, 1991), h. 22

²² Olsen, J.B., and Eadie, D.C. The Game Plan: Governance with Foresight. (Washington: Council of State Planning Agencies, 1982), h.4.

juga perlu berbuat demikian dan kita juga diminta oleh pegawai atasan untuk menyediakan Perancangan strategik.²³

Perkara-perkara yang perlu diberi pertimbangan yang mendalam dalam Perancangan strategik dalam organisasi pendidikan adalah seperti berikut:

- i. Perubahan masyarakat dalam negara dan antarabangsa yang mendatangkan kesan kepada institusi pendidikan. Bagaimana cara mengenal pasti, kesan kini dan akan datang?
- ii. Peminpin yang berkaliber untuk membangun dan mentadbir institusi. Bagaimanakah cara melatih pemimpin yang berkaliber ini?
- iii. Sekiranya berlaku perubahan dalam politik, undang-undang, dan ekonomi, apakah manfaat yang diperoleh daripada perubahan tersebut?
- iv. Pentadbiran dan pengurusan yang perlu diterapkan bagi memenuhi visi dan misi institusi dalam melaksanakan program akan datang.
- v. Kurikulum dan juga program yang ditawarkan, perlu diadakan atau diperluaskan bagi memenuhi kehendak pelajar dan masyarakat.
- vi. Pembangunan sumber manusia , latihan perlu dibuat bagi memperbaiki dan menyepadan kepakaran staf dalam institusi.²⁴

Perkara asas sebelum melaksanakan Perancangan Strategik boleh didasarkan kepada empat persoalan utama iaitu; 1. Ke manakah hala tuju kita? (misi), 2. Bagaimanakah cara kita dapat pergi ke destinasi tersebut? (strategi), 3. Kertas cadangan (**blueprint**) yang bagaimanakah perlu dibentuk sebagai panduan tindakan untuk

²³ op.cit. h. 11

²⁴ "How to Use the Guide for Strategic Planning", dlm. Guide to Strategic Planning Manual 1977, <http://apeo.org/howtouse.htm>.

selanjutnya? (belanjawan) dan, 4. Bagaimanakah kita dapat mengetahui perancangan tersebut tepat jikalau kita sedang melaksanakan perancangan tersebut? (kawalan)²⁵.

Harold Koontz dan Heinz Wierich²⁶ telah mengemukakan lapan perkara dalam melaksanakan Perancangan Strategik ini. Perkara berkenaan ialah; 1. Menyedari akan peluang yang ada berdasarkan pasaran, persaingan, apa yang pelanggan mahu, kekuatan dan kelemahan kita. 2. Menetapkan objektif atau matlamat. Kita hendaklah tahu di mana kita hendak berada dan apa kita hendak capai dan bila?. 3. Menimbangkan premis perancangan iaitu dalam persekitaran apa? Dalaman atau luaran, untuk melaksanakan rancangan kita. 4. Mengenal pasti alternatif, iaitu alternatif yang paling baik serta tepat untuk mencapai objektif kita. 5. Membandingkan alternatif dari sudut matlamat yang dicari. Alternatif yang manakah yang akan memberi kita peluang yang paling baik dengan menggunakan kos yang paling rendah dan keuntungan yang paling tinggi. 6. Memilih satu alternatif yang akan digunakan dalam proses seterusnya. 7. Merumuskan rancangan sokongan, seperti membeli kelengkapan, membeli bahan dan melatih pekerja, dan 8. Merangkakan rancangan dengan membuat belanjawan.

Sebelum Perancangan strategik ini dibuat, perancangan untuk membuat rancangan ini perlu diambil perhatian oleh organisasi berkenaan. Tindakan ini perlu diambil perhatian bagi menghasilkan Perancangan strategik yang lebih berkesan dan tidak banyak menghadapi masalah semasa proses pelaksanaan. Dalam hal ini Leonard Goodstein (*et.al*),²⁷ telah mencadangkan agar para perancang;

²⁵ Lorange, P. *Corporate Planning: An Executive Viewpoint*, Eaglewood Cliffs, Prentice-Hall, New Jersey, 1980. (Dalam John M. Bryson, hal. 33).

²⁶ Harold Koontz & Heinz Wierich, Pengurusan, (Terj. Mohd Salmi Mohd Sohod & Siti Nadzrah Sheikh Omar), K.Lumpur: DBP, 1991, h. 70-73.

²⁷ Leonard Goodstein, Timothy Nolan, J. William Pfeiffer, Applied Strategic Planning: How To Develop A Plan That Really Works, New York: McGraw-Hill, Inc. 1993, hal. 94.

1. Mempastikan organisasi berkenaan bersedia untuk menggunakan Perancangan strategik.²⁸
2. Membina komitmen (*iltizam*) khususnya daripada pentadbiran tertinggi.
3. Mengenal pasti ahli-ahli yang layak untuk menjadi 'Pasukan Perancang'.
4. Mendidik atau memaklumkan proses Perancangan strategik kepada ahli organisasi, khususnya kepada "Pasukan Perancang".
5. Mengenal pasti "*stakeholder*" organisasi lain yang ingin menilai atau memberi idea.
6. Membuat kontrak (perjanjian) untuk kejayaan Perancangan strategik.

Cadangan Goodstein (*et. al*) di atas telah dimantapkan lagi oleh John M. Bryson²⁹ dengan beberapa perincian. Cadangan beliau termasuklah, organisasi berkenaan menerima dan bersetuju untuk melaksanakan Perancangan strategik, mengenal pasti apakah mandat yang diberikan organisasi berkenaan, menjelaskan misi dan nilai yang akan diterima pakai oleh organisasi, mengambil kira suasana luaran, khususnya berkenaan dengan pelbagai peluang (*opportunities*), dan halangan (*threats*), mengambil kira keadaan dalaman yang mencakupi kekuatan (*strengths*) serta kelemahan (*weaknesses*), mengenal pasti isu-isu utama yang akan dihadapi oleh organisasi, membina formula bagi menyelesaikan isu berkenaan, dan membina visi yang berkesan, (visi untuk kejayaan).

²⁸ Dinyatakan juga oleh, Dick Weindling dalam kertas kerjanya yang dikeluarkan oleh, Margaret Preedy, Ron Glatter dan Rosalind Levacic (Editor), *Educational Management, Strategy Quality, and Resources*, Open University Press, Buckingham, UK, 1997, hal. 223 - 233.

²⁹ op.cit, hal 69 -70

Dalam mereka bentuk perancangan, organisasi yang terlibat juga harus memberikan tumpuan kepada perkara-perkara seperti mempertimbangkan sama ada perancangan akan digunakan sentiasa (*standing plan*) atau sama ada ia digunakan untuk situasi tertentu sahaja. Seterusnya, mentakrifkan bidang lingkup perancangan atau kawasan yang hendak diliputi. Lebih sempit kawasan bidang lingkupnya maka lebih jelaslah perancangannya, tetapi terhad kegunaannya. Kemampuan membina fleksibiliti untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan masa hadapan. Fleksibiliti ini boleh dibuat melalui perancangan yang boleh diubah, perancangan beralternatif dan perancangan tambahan.

Selain dari ciri-ciri yang dinyatakan di atas beberapa pertimbangan yang lain juga harus dilihat; misalnya dari segi pertimbangan kemanusiaan dalam mereka bentuk perancangan yang melibatkan komitmen terhadap perancangan itu sendiri selari dengan tahap-tahap aspirasi manusia dan melihat ganjaran yang dihubungkan dengan perancangan itu.³⁰

Dalam proses melaksanakan perancangan strategik, masa yang diperlukan untuk tujuan itu harus juga diberikan perhatian agar masa digunakan seoptimum mungkin. Begitu juga dengan bilangan dan jenis mesyuarat yang harus diadakan bagi melicinkan proses tersebut. Seterusnya, persediaan dan daya usaha individu yang terlibat harus juga diberikan perhatian serius. Kepelbagai tugas yang diamanahkan kepada ahli jawatankuasa hendaklah diselia agar berfungsi dengan sebaik-baiknya. Selanjutnya, ia

³⁰ Ahmad Atory Hussain, Prinsip Pengurusan di Sektor Awam dan Swasta, K.Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1985, hal.146 -147.

melibatkan proses menjaga dan mengelola setiap ahli dalam organisasi berkenaan, dan juga isu-isu yang berkaitan dengan perkara di atas.³¹

Ada kalanya Perancangan Strategik terganggu lantaran campur tangan orang-orang politik yang menggunakan bidang ilmu (pendidikan) untuk kepentingan serta kedudukan mereka. Fakta-fakta yang tepat mungkin diputarbelitkan oleh orang politik untuk tujuan-tujuan tertentu. Lebih jauh dari itu, para perancang (teknikal) diganggu sehingga mereka tidak mengetahui fungsi mereka yang sebenarnya.³²

1.3: Tujuan Kajian

Kajian ini akan meneliti dan menganalisis sejarah penubuhan Kolej Islam Malaya dalam konteks sosiopolitik Malaya dalam tahun 1950-an dan 1960-an. Penelitian dan analisis sejarah ini merangkumi aspek perancangan strategik dalam pembentukan kolej tersebut, pentadbiran organisasi kolej, serta kurikulum kursus yang telah diadakan di kolej berkenaan. Penelitian analisis ini tertumpu pada tempoh tahun-tahun 1955 – 1965.

³¹ Patrick J. Below, George L. Morrisey and Betty L. Acomb, The Executive Guide to Strategic Planning, London: Jossey - Bass Publ., 1988, h.103

³² G.C. Ruscoe, The Conditions for Success in Educational Planning, Unesco: International Institute for Educational Planning, Belgium, 1969, hal. 25.

1.4: Rasional Kajian

Keperluan institusi pengajian tinggi agama yang diiktiraf oleh kerajaan telah diperjuangkan oleh masyarakat Melayu pada zaman sebelum kemerdekaan; keperluan ini telah menjadi realiti dengan terbinanya Kolej Islam Malaya pada tahun 1955. Perjuangan ke arah melahirkan institusi ini bukanlah suatu perkara yang mudah, lebih-lebih lagi Tanah Melayu pada masa itu di bawah pentadbiran kolonial Inggeris.

Kolej Islam Malaya merupakan salah sebuah institusi pendidikan yang terunggul dan yang pertama diiktiraf oleh kerajaan di negara ini. Kolej berkenaan telah banyak mengeluarkan tenaga-tenaga penyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara, khususnya dalam bahagian pendidikan Islam dan institusi Islam yang berkaitan. Kajian yang telah dibuat mengenai KIM secara terperinci, misalnya tentang peringkat awal penubuhan institusi ini amatlah sedikit, dan kajian ini merupakan usaha ilmiah untuk meneliti penubuhan dan perkembangan Kolej Islam Malaya menurut perspektif model perancangan strategik dan pentadbiran berautonomi, iaitu pentadbiran berdasarkan pengurusan sekolah (*School-Based Management*).

1.5: Soalan – Soalan Kajian

Usaha mencari data primer dan sekunder daripada dokumen dan bahan penerbitan berpandukan soalan berikut:

1. Dalam konteks suasana sosiopolitik 1950-an, bagaimanakah usaha penubuhan Kolej Islam Malaya dijalankan oleh individu dan pihak yang terlibat?
2. Dari aspek perancangan strategik, bagaimanakah Kolej Islam Malaya dimajukan oleh pengelola dan pentadbir dalam tempoh 1955 – 1965?
3. Dari aspek pengurusan berdasarkan sekolah yang berautonomi, apakah keadaan pentadbiran Kolej Islam Malaya dalam hal perkhidmatan, kewangan, prasarana, dan kurikulum dalam tempoh 1955 – 1965?

1.6: Kepentingan kajian

Kajian ini cuba melihat semangat permuafakatan dan proses rancangan strategik orang-orang Melayu dan Islam dalam mengasaskan KIM, sebuah institusi pendidikan tinggi khas untuk kemajuan pendidikan orang Islam. Semangat permuafakatan ini diamalkan oleh semua lapisan rakyat dari peringkat atas hingga peringkat rakyat biasa. Dapatan daripada kajian ini diharapkan akan menjadi contoh kepada kerajaan-kerajaan negeri di negara ini untuk menaikkan taraf sekolah-sekolah agama rakyat dan agama negeri ke peringkat kolej dan yang setaraf dengannya.

Kajian ini juga untuk menunjukkan bahawa ajaran Islam itu komprehensif (*syumul*), dan tidak semua yang dibawa oleh arus pemodenan itu ditolak oleh ajaran Islam.

Seterusnya kajian ini juga memaparkan proses Pengurusan Berasaskan Sekolah (*School Based Management*) yang tidak terikat dengan pemusatkan dan pendekatan tersebut telah berjaya menyelesaikan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi. Bagi menambahkan bahan kajian sejarah tentang perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia.

1.7: Kaedah Kajian

Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis sejarah dalam kajian ini,³³ berpandukan perkara berikut.

i. *Lihat sesuatu benda atau fenomena secara kompleks, bukan secara mudah.* Sebagai contoh , kejatuhan Empayar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-16 bukanlah hanya disebabkan oleh kekuatan tentera Pertugis tetapi oleh faktor lain juga seperti konflik politik pembesar Melayu dan ketiadaan sokongan ketenteraan daripada rumpun Melayu dari Johor dan Aceh. Perang Dunia 2 tercetus bukan disebabkan oleh impian Hitler untuk mensucikan bangsa Aryan, tetapi disebabkan siri insiden sebelumnya yang saling berkait.

ii. *Wujudkan skeptisme yang sihat terhadap fakta-fakta dan juga tafsiran-tafsiran.*

Terdapat pelbagai cara bagi melihat benda-benda. Kesimpulan seorang buta mengenai gajah ialah melalui sentuhannya di telinga gajah adalah sah sebagaimana sentuhan seorang buta yang lain pada belalai gajah. Setiap mereka membuat tanggapan yang

³³ L.R Gay, Educational Research : Competencies for Analysis & Application (Edisi Kedua), Ohio : Charles E. Merrill Publishing Co. Columbus Ohio, USA. 1981, h 45.

kurang sempurna tentang gajah. Jadi rujukan antara satu sama lain adalah penting untuk mengesahkan persepsi mengenai hal gajah.

iii. *Kaji keadaan mental manusia yang mengalami sesuatu peristiwa atau fenomena bagi sesuatu masa yang tertentu.* Ahli sejarah hanya boleh mentafsirkan sesuatu peristiwa jika beliau boleh menjiwai mereka yang hidup pada zaman berkenaan. Ini bermakna ahli sejarah perlu berfikir seperti mana orang pada zaman berkenaan berfikir.

iv. *Tiada sesiapa yang bebas daripada "bias", tetapi cuba berpendirian liberal dengan mengelakkan daripada menyentuh kepercayaan palsu "fallacies" tentang patriotisme, heroisme, dogmatisme, imperialisme dan lain-lain isme yang bersifat serong (slanted).*

Jepun mengalami kekalahan dalam Perang Dunia Kedua bukan kerana mereka tidak berbangsa Anglo-Saxon, tetapi kerana radar pertahanan udara mereka gagal mengesan pesawat Amerika Syarikat yang membawa bom atom.

v. *Sejarah bukanlah kronologi, tarikh dan peristiwa semata-mata, kerana sejarah demikian adalah suram, tidak bermakna dan tiada elemen kehidupan.* Kajian sejarah bukan setakat luaran semata-mata, tetapi mencapai seluruh aspek kehidupan sesuatu bangsa. Ketepatan menafsir sejarah adalah ada kaitannya dengan ketepatan fakta yang berkaitan seperti tarikh, peristiwa, individu , tempat serta sumber-sumber maklumat. Fakta-fakta yang diperoleh perlu dianalisis oleh ahli sejarah untuk menghasilkan dapatan yang tepat. Proses untuk menggabung fakta-fakta memerlukan ketelitian dan keadilan, imaginasi dan tema.

vi. *Sejarah bukanlah segala-galanya, tetapi tentang sesuatu benda.*

Sejarah mempunyai skop yang luas, dari membesarkan seorang anak hingga ke bidang pendidikan dan sains roket. Masing-masing mempunyai matlamat, had, dan keganjilan tersendiri. Sejarah yang menarik ialah sejarah yang mengkaji makna sesuatu pelakuan dan peristiwa, dan menghubungkaitkan makna-makna ini terhadap satu sama lain.

vii. *Sejarah ialah cerita manusia untuk dibaca oleh manusia.*

Cerita yang dipenuhi dengan bahasa-bahasa yang sukar difahami (*jargon*), ayat-ayat yang tidak tepat dan peristiwa-peristiwa yang tidak mengikut peredaran masa membosankan pembaca. Ianya mengelirukan pembaca dan mencerminkan ketidakjujuran dan sikap tidak bertanggungjawab pencerita.

viii. *Penulisan sejarah berkehendakkan pemikiran "bilateral" yang perlu untuk memahami kala kini dengan meninjau kala lampau, dan untuk menafsirkan kala lampau bersabit kala kini.* Manusia dewasa ini mempusakai khazanah dan tradisi generasi terdahulu. Terdapat evolusi masyarakat manusia dan budaya secara beransur-ansur. Beberapa nilai dan tabiat telah terhapus, tetapi kebanyakannya dibawa ke kala kini. Jadi, kita boleh memahami kala lampau dengan melihat kala kini. Sebaliknya, kala kini boleh difahami dengan memeriksa apa yang berlaku di masa lampau.

Lima langkah yang perlu diambil oleh para penyelidik untuk melaksanakan penyelidikan sejarah, ialah mengenal pasti masalah, mengumpul bahan-bahan rujukan,

mengkritik bahan-bahan rujukan, membentuk telahan bagi menjelaskan peristiwa dalam bentuk hipotesis dan mentafsir serta melaporkan hasil penyelidikan.³⁴

Bagi menentukan keaslian sumber-sumber yang diperoleh daripada seseorang, pengkaji seharusnya melakukan kritikan luaran ke atas sumber tersebut. Selain daripada itu, kaedah membandingkan sesuatu dokumen yang akan digunakan dengan dokumen lain yang sezaman dengannya.³⁵

Kaedah menafsir sumber-sumber yang dikumpulkan juga memerlukan ketelitian. Seboleh-bolehnya penerangan yang dibuat seperti sebenarnya berlaku. Walau bagaimanapun hal ini agak mustahil untuk dilakukan. Lantaran itu, pengkaji terikat dengan sumber-sumber yang berkaitan dengan peristiwa yang akan ditafsirkan itu bagi landasan pentafsirannya.³⁶

1.8: Pendekatan Kajian

Pengkaji akan mengumpulkan bahan-bahan sejarah yang berkaitan dengan penubuhan Kolej Islam Malaya pada tahun-tahun 1955 – 1965. Bahan-bahan yang dikumpulkan termasuklah surat-surat rasmi, surat-surat persendirian, minit-minit mesyuarat, surat pengisyiharan, artikel-artikel, ucapan (kaset), video, mikrofilem, artifak (bangunan lama), majalah-majalah, keratan akhbar, gambar-gambar, sijil-sijil kutipan derma dan tesis-tesis yang berkaitan.

³⁴ Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan Pendidikan, K.L : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, h.89

³⁵ L.Gottchalk, Understanding History: A Primer of Historical Method. Edisi Kedua, New York : Alfred A. Knopf, New York, 1994, h.118.

³⁶ Muhd. Yusof Ibrahim, Pengertian Sejarah – Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah, K.Lumpur : DBP., 1994, h.al. 101.

Selain daripada itu, pengkaji juga akan menemu bual tokoh-tokoh yang terlibat, bekas-bekas pensyarah Kolej Islam Malaya, bekas-bekas pelajar, pekerja serta penduduk sekitar yang mengetahui peristiwa penubuhan Kolej Islam Malaya. Bagi mendapatkan bahan-bahan sejarah, pengkaji meminta kerjasama serta bantuan, Pengetua Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Arkib Negara, Perpustakaan Negeri Selangor, Kerabat Diraja Selangor, Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Persatuan Siswa Kolej Islam Malaya dan lain-lain lagi.

1.9: Analisis Data

Pengkaji akan menganalisis data melalui Kaedah Tema.³⁷ Kaedah ini digunakan bagi menyenangkan pengkaji membuat analisis mengikut tema-tema yang tertentu. Tema-tema yang digunakan mengikut soalan-soalan kajian yang telah dirangkakan.

Antara tema-tema yang berkenaan ialah;

- i. **Penularan Sekularisme di Tanah Melayu** – Berdasarkan tema tersebut pengkaji akan memperincikan kesan penularan sekularisme di Tanah Melayu ke atas masyarakat Islam dan agama Islam itu sendiri. Penghakisan pendidikan Islam secara tradisional (pondok) oleh penjajah, khususnya di Tanah Melayu dibuat secara halus melalui pendidikan sekular bermula sejak tahun 1816 dengan penubuhan Penang Free School,

³⁷ Susean Hussin, The Art of Research and Dissertation Writing, Pahang, Malaysia: Asas Tunas Publications, 1995, hal. 32.

seterusnya Raffles Institution (1823), Melaka Free School (1878), Victoria Institution (1894), King Edward VII Taiping (1906), dan beberapa buah sekolah ‘missionary’ lagi. Sekolah-sekolah tajaan Inggeris ini membuka peluang seluas-luasnya kepada anak-anak Melayu, khususnya anak-anak orang berada atau anak-anak Melayu yang berada di bandar. Proses sekularisasi pendidikan anak-anak Melayu (Islam) berlaku begitu drastik sekali.

Pengajian agama dan al-Qur'an di sekolah-sekolah Melayu telah dikesampingkan daripada jadual rasmi sekolah dan diarahkan supaya diajar disebelah petang. Bagi menjaga golongan elit Melayu, penjawah telah menubuhkan sekolah untuk anak-anak raja dan anak-anak orang besar agar rangkaian kepemimpinan Melayu terdiri daripada anak-anak ‘didikan’ mereka.³⁸

Bagi mengatasi barah sekularisme yang melanda, orang Melayu Islam perlu menubuhkan Kolej Islam Malaya untuk kelangsungan agama, politik dan sosial umat Melayu (Islam) di Tanah Melayu. Bahan-bahan rujukan ialah buku-buku, majalah, peranan Kaum Muda, jurnal, tesis-tesis, laporan pejabat kolonial (khususnya dalam bidang pendidikan) untuk meneliti keadaan sosiopolitik, pentadbiran Kolej Islam Malaya, dan kurikulum pendidikan Islam di kolej berkenaan.

³⁸ Mohd Mokhtar bin Haji Shafei, Prof. Madya, Dato', "Masalah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Penyelesaiannya", Kertas Kerja yang dibentangkan di Konvensyen Sekolah Menengah Rakyat, Anjuran Bersama Persatuan Bekas Siswazah Kolej Islam Malaya dengan Kerjasama Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, 20-22 Disember, 1996.

ii. Permuafakatan Merealisasikan Cita-Cita - Usaha yang dilaksanakan untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya memerlukan permuafakatan menyeluruh semua peringkat masyarakat Islam. Sumbangan yang diberikan adalah mengikut kemampuan masing-masing.

iii. Halangan-Halangan Bagi Mencapai Cita-Cita - Dalam rangka mewujudkan institusi pendidikan berteraskan Islam pada zaman kolonial , sudah pasti terdapat halangan-halangan yang harus dilalui oleh tokoh-tokoh yang terlibat. Pengkaji akan memperincikan halangan-halangan yang ditempuh oleh perintis Kolej Islam Malaya.

iv. Hasil Sebuah Perjuangan - Pengkaji akan membuat analisis kejayaan menubuhkan Kolej Islam Malaya. Dalam bahagian ini pengkaji memperincikan aspek-aspek yang berkaitan dengan perkembangan serta kemajuan institusi tersebut. Perkara-perkara yang akan dimuatkan dalam bahagian ini ialah mengenai perkembangan staf, kurikulum, pentadbiran, kewangan dan lain-lain lagi.

1.10: Batasan Kajian

Kajian ini ditumpukan ke atas Kolej Islam Malaya, khususnya untuk tahun-tahun 1955 hingga 1965. Pengkaji hanya mengambil 10 tahun sahaja bagi tujuan kajian ini untuk memudahkan kajian secara lebih mendalam dan terperinci. Lagipun, tahun-tahun

ini merupakan tahun-tahun penting bagi Kolej Islam Malaya dalam rangka menguatkan kedudukannya sebagai pusat pengajian tinggi pendidikan Islam di Malaya.

1.11: Definisi Istilah

Penubuhan: Kamus Dewan³⁹ mengertikannya sebagai perihal menubuhkan. Dalam konteks ini, penubuhan yang dimaksudkan ialah penubuhan Kolej Islam Malaya dan proses sebelum penubuhan dan setelah ditubuhkan.

Pentadbiran: Dapat diringkaskan sebagai proses pembuatan keputusan serta pengawasan terhadap kerja-kerja usaha manusia dengan tujuan mencapai matlamat yang telah ditentukan.⁴⁰ Perbuatan mentadbirkan, pengelolaan, pengurusan, dan pemerintahan, juga ada kaitannya dengan pentadbiran. Pentadbiran yang akan diterangkan oleh pengkaji ialah pentadbiran yang dilaksanakan di Kolej Islam Malaya yang mencakupi, pentadbiran kewangan, kurikulum, staf, undang-undang, Lembaga Tadbir Kolej, kemasukan pelajar pelajar, peperiksaan, kokurikulum, pembangunan dan sebagainya.

Kepemimpinan: Menurut James Gr. Gribben⁴¹; “Kepimpinan dapat dijelaskan sebagai satu proses mempengaruhi ke atas kumpulan dalam situasi dan masa yang khusus yang

³⁹ Kamus Dewan, (Disusun oleh, Teuku Iskandar), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur 1984, h. 1286.

⁴⁰ Stanley Vance, 1959. “Industrial Administration”, Mc Graw-Hill Book Co. Ind. NY, dalam Datin Sohair Abdel Moneim Sery, Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam, Satu Kajian Perbandingan, Dengan Penekanan Ke Atas Konsepsi Kepimpinan Dalam Islam, K.L : Penerbitan Pustaka Antara , 1984,

h. 11

⁴¹ Ibid.

dapat merangsang mereka untuk berusaha secara rela hati bagi mencapai matlamat bersama".⁴² Pengkaji akan menumpukan kajian terhadap kepemimpinan tokoh pelopor Kolej Islam dalam meyakinkan masyarakat agar bersetuju dengan cadangan menubuhkan Kolej Islam dan kepemimpinan pengetua yang menjadi pelaksana dalam merealisasikan objektif Kolej.

Rancangan Strategik (Strategic Planning): Pengkaji akan membuat rumusan tentang penggunaan Perancangan Strategik dalam rangka mewujudkan Kolej Islam Malaya. Perancangan Strategik ialah satu disiplin dan proses bagi menghasilkan keputusan, pelan tindakan untuk masa-masa akan datang. Kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi bergantung kepada Perancangan Strategik yang digarapkan bagi penentuan visi.⁴³ Dalam tugas perancangan seseorang pengurus akan dibebankan dengan lima perkara yang utama iaitu; apa yang hendak dihasilkan, bagaimana ianya akan dilakukan, siapa yang akan membuatnya, bila kerja itu akan dilakukan dan di mana kerja itu akan dilakukan.⁴⁴ Bagi menghasilkan Perancangan Strategik yang berkesan perkara-perkara ini perlu diberi perhatian: persediaan dan komunikasi, mengumpul dan menganalisis data, pembentukan jawatankuasa, mengadakan sesi perancangan peringkat pertama, menjelaskan draf rancangan, membentuk jawatankuasa bertindak, mengadakan sesi perancangan kedua, mengemukakan ringkasan rancangan untuk pengesahan badan pemegang amanah (*trustee*), pelaksanaan dan mengemaskinikan pada setiap tahun.⁴⁵

⁴² Gribben, James J., Efective Managerial Leadership, (New York : American Management Association: New York1972), hl. 9.

⁴³ Hayden, J. Gary. "Strategic Planning: It's Essential for Rural Schools. If You Fail To Plan, You Plan To Fail", RC019415, Paper presented at the Annual Conference of the National Rural Education Association, Burlington, VT, Oktober 14 -17, 1993.

⁴⁴ William D.B. & Mary T.C. , Managing Organization, (California : Clencoe Press, California, USA, 1977 h. 184.

⁴⁵ Don Weimer, & M. Peter., Strategic Planning : A Participative Model, ED 390324, RIEMAY 96, Report - Descriptive, Wisconsin, USA. 1995.

Keberkesanan dan kejayaan Perancangan Strategik ada hubungan rapat dengan kemampuan pemimpin dalam organisasi berkenaan untuk mengutarakan misi, harapan serta objektif organisasi.⁴⁶ Kejayaan Perancangan Strategik juga berkait rapat dengan misi yang jelas dan diterima oleh semua ahli dalam organisasi.. Misi yang diketengahkan itu mestilah mantap (tidak berubah-rubah). Pandangan yang jauh (*vision*) juga dapat menentukan misi yang dilaksanakan akan lebih terjamin pada masa akan datang.⁴⁷

Kemampuan pemimpin organisasi mengumpulkan maklumat daripada staf untuk membuat Perancangan Strategik, merupakan aset penting bagi kecemerlangan organisasi dalam menghadapi cabaran masa-masa akan datang.

Pengurusan Berasaskan Sekolah (*School Based Management*): Dalam kajian ini penulis akan menggunakan teori Pengurusan Berasaskan Sekolah (*School Based Management*), lantaran Kolej Islam Malaya telah ditadbir dan diuruskan oleh pihak Kolej itu sendiri. Pengurusan Berasaskan Sekolah boleh diertikan sebagai satu proses agihan kuasa membuat keputusan daripada pihak berkuasa pentadbiran pendidikan negeri atau pejabat pendidikan kawasan kepada badan penyelia, jawatankuasa, atau pasukan yang dibentuk di sekolah-sekolah berkenaan. Ini bertujuan untuk mewujudkan perubahan dalam pendidikan, seterusnya sekolah berkenaan dapat membuat keputusan yang berkaitan dengan kewangan dan kurikulum.⁴⁸ Perancangan Berasaskan Sekolah juga boleh didefinisikan sebagai, usaha untuk meningkatkan lagi kuasa autonomi sekolah dan juga perkongsian untuk membuat keputusan antara guru, ibu bapa, pelajar dan anggota

⁴⁶ Waters, Gary Alan. 1996. A Study of Faculty Perceptions of the Planning Process at Two Institutions of Higher Education (Intitutional Planning, Georgia, Mission Statement, Goal, Objectives, Faculty, Administration), AAC 9633957 ProQuest – Dissertation Abstarcts.

⁴⁷ Strategic Planning at Eastern. 1996. <http://bshepard.eosc.osshe.edu/planning/index.htm>

masyarakat. Perkara yang berkaitan dengan membuat keputusan ini termasuklah, dalam hal kewangan, personel dan staf dan kurikulum/ program.⁴⁹

Kebanyakan sekolah yang ditadbir sendiri tanpa gangguan daripada pihak luar telah menunjukkan kemajuan dan perubahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kelas.⁵⁰ Antara manfaat yang diperoleh melalui pelaksanaan Pentadbiran Berasaskan Sekolah ini termasuklah, individu dalam sekolah berkenaan dapat membuat keputusan untuk meningkatkan lagi pembelajaran, memberi peluang kepada warga sekolah sama-sama membuat keputusan, bersama-sama bertanggungjawab atas keputusan yang telah dibuat, menghasilkan pelbagai kreativiti dalam program yang dirancangkan, sumber-sumber akan diperoleh secara langsung bagi pembangunan sekolah, dapat membelanjakan kewangan secara realistik dan para ibu bapa serta guru akan lebih berhati-hati terhadap kewangan sekolah, lebih berjimat cermat dalam setiap program, dan meningkatkan semangat para guru dan menyuburkan pimpinan baru dalam semua peringkat.⁵¹

Sebagai kesimpulan dapat dijelaskan bahawa pengurusan berdasarkan sekolah telah mendarat kesan yang baik untuk sekolah, pengetua, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat setempat. Penglibatan mereka dalam menentukan dasar sekolah telah

⁴⁸ H. Pepper Sturm, Miriam M. Barcellona. "Sit -Based Management", Nevada Legislative Counsel Bureau, <http://www.leg.state.nv.us/leb/research/Bkground/97-02.htm>.

⁴⁹ NCREL's Policy Briefs. Decentralization: Why, How and Toward What Ends?, Report 1, 1993. <http://www.ncrel.org/sdrs/areas/issues/envrmmnt/go/93-1site.htm>. Lihat juga, Steinhauer, Timothy John. 1995. The Effects of Decisional, Participation, Instructional Relevance, and School Based Management on Teacher Job Satisfaction, AAC 9532029 ProQuest – Dissertation Abstracts. Perkara ini dijelaskan juga oleh, Mohammad Omran Abdullah. 1993. School Based Management (Decentralization, Sit Based), AAC 9414411 ProQuest – Dissertation Abstracts.

⁵⁰ Kinkade. Douglas Ann, 1997. Factors That Affect A School Based Management Team's Ability to Make And Implement Teaching And Learning Decisions (Decision-Making), AAC 9638755 ProQuest – Dissertation Abstracts.

menatijahkan kesan yang mendalam dalam rangka meningkatkan lagi prestasi sekolah.⁵² Pihak sekolah bebas membuat keputusan dalam semua aspek yang telah diagihkan oleh pihak yang mempunyai kuasa. Kolej Islam Malaya telah menerima pakai teori ini bagi memajukan pendidikan dalam arena tempatan dan antarabangsa.

⁵¹ Myers, - Stonehill; -Robert, 1993. "School Based Management". Journal Education Research Consumer Guide, No. 4, Jun 1993, Office of Educational Research and Improvement (ED), Washington, DC. hal. 5.